



AKAUN KELAB DAN PERSATUAN

- -
 - I. PENGENALAN
 - II. SUMBER-SUMBER HASIL
 - III. JENIS-JENIS PERBELANJAAN
 - IV. PERBANDINGAN PERAKAUNAN ANTARA KELAB DAN PERSATUAN DENGAN PERTUBUHAN PERNIAGAAN
 - V. AKAUN YURAN
 - VI. AKAUN PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN
 - VII. AKAUN PERDAGANGAN
 - VIII. AKAUN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
 - IX. KUNCI KIRA-KIRA
 - X. LATIHAN
 - XI. JAWAPAN
 -
 -
-
-

I. PENGENALAN

-
- ◀ Kelab dan persatuan ialah organisasi tak berniaga yang tidak bermotifkan keuntungan. Tujuan utamanya ialah menyediakan perkhidmatan dan kemudahan sukan serta rekreasi untuk faedah ahli-ahlinya.
- ◀ Kelab dan persatuan didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan dan segala aktiviti tertakluk kepada akta Pertubuhan 1966.
- ◀ Laporan kewangan tahunan organisasi ini mesti dibentang dalam mesyuarat agung tahunan satu salinannya diserahkan kepada Pendaftar Pertubuhan.

[kembali]

II. SUMBER-SUMBER HASIL

-
- ◀ Sumber utama hasil kelab & persatuan adalah daripada yuran yang dibayar oleh ahli-ahlinya serta derma daripada orang awam. Sumber hasil yang lain adalah daripada menyewa kemudahan kelab misalnya gelanggang dan dewan. Hasil ini digunakan untuk membiayai segala perbelanjaan pengurusan kelab.
- ◀ Penerimaan dibahagi kepada 2:

(a) Penerimaan Modal

(b) Penerimaan Hasil

↳ Penerimaan Modal

9 wang yang diterima bukan daripada kegiatan biasa kelab & persatuan berkenaan, contohnya jualan aset tetap derma khas, yuran masuk dan peruntukan dari kerajaan negeri.

9 Dicampur kepada dana terkumpul dalam Kunci kira-kira.

↳ Penerimaan Hasil

9 Wang yang diterima daripada kegiatan biasa kelab dan persatuan berkenaan, contohnya yuran bulanan, yuran pertandingan, dividen pelaburan dan hasil sewa.

9 Dicatatkan disebelah kredit Akaun Pendapatan & Perbelanjaan.

[\[kembali\]](#)

III. JENIS-JENIS PERBELANJAAN

↳ Perbelanjaan Modal

9 Wang yang dibayar untuk membina atau membeli **aset bukan semasa** untuk digunakan dalam kegiatan kelab & persatuan

9 Aset bukan semasa ini **tahan lama** dan dapat digunakan untuk beberapa tahun perakaunan. Contohnya membeli alatan sukan seperti meja pingpong dan membina aset bukan semasa seperti gelanggan tenis.

9 Menambahkan nilai aset tetap & ditunjuk dalam Kunci kira-kira.

↳ Perbelanjaan Hasil

9 Wang yang dibayar untuk membeli **aset semasa** serta belanja pengurusan & pentadbiran kelab & persatuan.

9 Aset semasa yang dibeli hanya dapat digunakan dalam satu tempoh perakaunan sahaja. Contohnya membeli alat tulis, membayar belanja pengurusan & pentadbiran spt gaji dan belanja penyelenggaraan & pembaikan kelab

9 Dicatat di sebelah debit dalam Akaun Pendapatan & Perbelanjaan

[\[kembali\]](#)

IV. PERBANDINGAN PERAKAUNAN ANTARA KELAB DAN PERSATUAN DENGAN PERTUBUHAN PERNIAGAAN

<i>Kelab & Persatuan</i>	<i>Pertubuhan Perniagaan</i>
1. Akaun Yuran	Tiada
2. Akaun Penerimaan dan Pembayaran (Akaun wang masuk & wang keluar)	Buku Tunai
3. Akaun Pendapatan & Perbelanjaan	Akaun Untung Rugi
4. Lebihan / Kurangan	Untung Bersih / rugi bersih
5. Dana terkumpul	Modal / Ekuiti Pemilik
6. Kunci Kira-kira	Kunci Kira-kira

[\[kembali\]](#)

V. AKAUN YURAN

- □ Sumber utama pendapatan sebuah kelab & persatuan ialah yuran yang terdiri daripada
 - (a) Yuran masuk
 - (b) Yuran tahunan / bulanan
 - (c) Yuran pertandingan
- Yuran masuk boleh dianggap sebagai penerimaan hasil / modal bergantung kepada dasar kelab berkenaan. Jika yuran ini tujuannya untuk membiayai sesuatu projek tertentu dianggap sebagai penerimaan modal. Jika untuk tujuan pembiayaan perbelanjaan pengurusan kelab, ini dianggap sebagai penerimaan hasil.
- Yuran tahunan / bulanan dan yuran pertandingan dianggap sebagai penerimaan hasil & dikreditkan ke dalam akaun Pendapatan & Perbelanjaan.

-
-
-
-
-
-

<u>Akaun Yuran</u>					
2005		RM		2005	RM
Jan 1	Baki b/b	500		Jan 1	Baki b/b 150
Dis 31	Pendapatan & perbelanjaan	4000		Dis 31	Tunai 4300
	Baki h/b	200			Baki h/b 250
		<u>4700</u>			<u>4700</u>
2006				2006	
Jan 1	Baki b/b	250		Jan 1	Baki b/b 200

-
-
-
-
-

Nota :

- i. Yuran tertunggak – wang tahun 2004 yang belum diterima pada awal tahun 2005. □ RM 500
- ii. Yuran terdahulu – yuran tahun 2005 yang telah diterima dalam tahun 2004. □ RM150
- iii. Penerimaan yuran didebitkan dalam Buku Tunai & dikreditkan dalam Ak Yuran mengikut peraturan catatan bergu. □ RM 4300
- iv. Yuran yang sebenar bagi tahun 2005. □ RM4000
- v. Yuran terdahulu – yuran tahun 2006 yang telah diterima dalam tahun 2005. □ RM200
- vi. Yuran tertunggak – yuran tahun 2005 yang belum diterima pada akhir tahun 2005 □ RM250

-
□ Contoh :

Kelab Golf Kulim mempunyai 150 orang ahli. Yuran tahunan setiap ahli ialah RM100. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2005, kelab itu telah menerima sebanyak RM5,000 sebagai yuran. Jumlah ini termasuk RM300 yang telah diterima bagi tahun 2006.

Jawapan:

Akaun Yuran					
2005		RM	2005		RM
Dis 31	Pendapatan & perbelanjaan	15000	Dis 31	Tunai	5000
	Baki h/b	300		Baki h/b *	10300
		<u>15300</u>			<u>15300</u>
2006			2006		
Jan 1	Baki b/b	10300	Jan 1	Baki b/b	300

* angka pengimbang

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005

RM	RM
Yuran	15000

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2005

RM	RM
Aset Semasa	Liabiliti Semasa
Yuran tertunggak	Yuran terdahulu
10300	300

[kembali]

VI. AKAUN PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN

Akaun ini juga dikenali sebagai Akaun wang masuk dan wang keluar. Akaun ini merupakan satu ringkasan Buku Tunai untuk sesuatu tempoh perakaunan.

Segala penerimaan modal & hasil dicatatkan di sebelah debit akaun Penerimaan & pembayaran manakala segala perbelanjaan modal & hasil dicatatkan di sebelah kredit akaun ini.

Akaun ini tidak mengambil kira butir terakru.

Jika akaun ini berbaki **debit** pada akhir tahun perakaunan, maka baki ini ditunjukkan sebagai tunai di tangan / tunai di bank di bawah aset semasa. Jika akaun ini berbaki **kredit**, baki ini ditunjukkan sebagai overdraf bank di bawah liabiliti semasa.

Format akaun:

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2005

Wang Masuk	RM	Wang Keluar	RM
2005		2005	
Jan 1	Baki b/b	Dis 31	Belian minuman
Dis 31	Yuran ahli		Surat khabar
	X		X
	X		X

Yuran masuk	X	Biasiswa	X
Yuran pertandingan	X	Hadiah dan piala	X
Kutipan derma	X	Alatan sukan	X
Sewa lokar	X	Belanja am	X
Jualan meja pingpong	X	Cenderamata	X
		Gaji pekerja	X
	<u>XX</u>		<u>XX</u>
2006			
Jan 1 Baki b/b	X		

[kembali]

VII. AKAUN PERDAGANGAN

-
- Sekiranya sesebuah kelab / persatuan mengendalikan kedai minuman / restoran untuk ahli-ahlinya, maka akaun perdagangan perlu disediakan untuk mengira untung / rugi operasi perniagaan tersebut.
- Keuntungan / kerugian itu kemudian dipindahkan ke akaun pendapatan & perbelanjaan.
- Maklumat-maklumat yang perlu ada dalam akaun perdagangan
 - i. stok awal dan stok akhir
 - ii. belian tunai & belian kredit □jumlah belian
 - iii. jualan tunai & jualan kredit □jumlah jualan
 - iv. belanja-belanja yang terlibat dalam pengendalian kantin / restoran, contoh gaji pelayan
- contoh
Kelab Rekreasi Bukit Mertajam juga mengendalikan kedai minuman. Butiran yang berikut dipetik daripada rekod-rekod kedai minumannya. Berdasarkan butiran tersebut, sediakan akaun perdagangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2005.

	RM
Pembayaran kepada pemiutang	2500
Kutipan daripada penghutang	4300
Upah pelayan	800
Kelengkapan perniagaan	7600
Jualan perniagaan	1200
Lesen perniagaan	40

	1.1.2005	31.12.2005
	RM	RM
Stok	860	910
Pemiutang	550	480

Penghutang 460 570

Jawapan

Akaun Kawalan Pemiutang

2005			RM	2005			RM
Dis 31	Tunai		2500	Jan 1	Baki b/b		550
	Baki h/b		480		Belian		2430
			<u>2980</u>				<u>2980</u>
2006				Jan 1	Baki b/b		480

Akaun Kawalan Penghutang

2005			RM	2005			RM
Jan 1	Baki b/b		460	Dis 31	Tunai		4300
	Jualan		4410		Baki h/b		570
			<u>4870</u>				<u>4870</u>
2006				Jan 1	Baki b/b		570

Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005

	RM	RM		RM
Stok awal		860	Jualan	*5610
Campur belian		2430		
Kos barang utk dijual		<u>3290</u>		
Tolak stok akhir		910		
Kos Jualan		2380		
Upah pelayan	1230			
Lesen perniagaan	<u>40</u>			
		1270		
		3650		
Untung		1960		
		<u>5610</u>		<u>5610</u>

* jualan kredit + jualan tunai = 4410 + 1200 = 5610

Akaun Pendapatan & Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005

Perbelanjaan	RM	Pendapatan	RM
		Untung	1960

Kunci kira-kira Pada 31 Disember 2005

	RM		RM

Aset Bukan Semasa		Liabiliti semasa	
Kelengkapan perniagaan	7600	Pemiutang	480
Aset Semasa			
Stok akhir	910		
Penghutang	570		

- [kembali]

VIII. AKAUN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

-
- Cara penyediaan Akaun Pendapatan & perbelanjaan bagi kelab & persatuan sama seperti Akaun Untung Rugi bagi firma perniagaan.
- Segala perbelanjaan hasil dan penerimaan hasil dicatatkan.
- Pelarasan perlu dibuat untuk memadankan hasil dengan belanja untuk tempoh perakaunan berkenaan.
- Lebih didapati apabila penerimaan hasil melebihi perbelanjaan hasil manakala kurangan berlaku apabila perbelanjaan hasil melebihi penerimaan hasil.

- [kembali]

IX. KUNCI KIRA-KIRA

-
- Kunci kira-kira perlu disediakan jika kelab / persatuan mempunyai aset & liabiliti.
- Kunci kira-kira kelab / Persatuan Kunci kira-kira sama seperti firma perniagaan, kecuali modal digantikan dengan dana terkumpul.
- Dana terkumpul ialah kumpulan wang yang terdiri daripada sumbangan yuran, derma & apa-apa jua lebih daripada Akaun Perdagangan, jika ada.
- Nilai Dana terkumpul pada awal tempoh perakaunan dikira dengan rumus:

Dana Terkumpul pada awal tempoh
= Aset pada awal tempoh – Liabiliti pada awal tempoh

- [kembali]

-

-

-

-

-

-

-

-

X. LATIHAN

1. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Kelab Atlit Jaguh:

	<u>1 Januari 2003</u>	<u>31 Disember 2003</u>
	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Yuran terakru	104	125
Yuran terdahulu	150	110

Pada tahun 2003, Kelab Atlit Jaguh telah menerima RM4200 sebagai yuran. **Anda dikehendaki menyediakan Akaun Yuran.**

2. Berikut ialah petikan daripada Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Cempaka Sari bagi tahun berakhir 31 Disember 2003:

<u>Akaun Penerimaan dan Pembayaran</u>	
	<u>RM</u>
Yuran untuk tahun 2002	50
Yuran untuk tahun 2003	3600
Yuran untuk tahun 2004	180

Maklumat tambahan:

Baki berikut diambil daripada buku perakaunan Kelab Cempaka Sari:

	<u>1 Januari 2003</u>	<u>31 Disember 2003</u>
	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Yuran terakru	100	80
Yuran terdahulu	60	120

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Yuran

(b) catatan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

(c) catatan dalam Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2003

3. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Kelab Sentosa Jaya:

	<u>1 Januari 2003</u>	<u>31 Disember 2003</u>
	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Yuran terakru	140	120
Yuran terdahulu	70	115

Pada tahun 2003, Kelab Sentosa Jaya mempunyai 100 orang ahli. Setiap ahli dikehendaki membayar yuran tahunan sebanyak RM50 seorang.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Yuran.

4. Pada 1 Januari 2003, Kelab Belia Harapan mempunyai baki tunai sebanyak RM3500. Pada 1 Februari 2003, hasil yang diperolehi daripada kutipan derma ialah RM1500. Yuran masuk ahli dan yuran tahunan ahli masing-masing berjumlah RM400 dan RM6200. Sewa yang diterima daripada penyewaan lokar berjumlah RM230. Jualan bola tenis lama adalah sebanyak RM80. Yuran pertandingan yang berjaya dikutip ialah RM200 manakala hasil daripada penyewaan gelanggang permainan ialah RM400.

- Perbelanjaan yang dilibatkan sepanjang tahun 2003 adalah seperti berikut:

	RM		RM
Surat khabar	110	Perabot	600
Biasiswa	1000	Alatan sukan	1600
Hadiah	450	Gaji pekerja	1000
Belanja am	800		

- **Anda dikehendaki menyediakan** Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2003.

5. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan restoran Kelab Badminton Remaja bagi tahun berakhir 31 Disember 2003:

	RM
Stok awal minuman	300
Belian minuman	1800
Jualan minuman	2500
Stok akhir minuman	630

- **Anda dikehendaki menghitung** untung restoran bagi tahun berakhir 31 Disember 2003.

6. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Kelab Rekreasi Indah bagi tahun berakhir 31 Disember 2003:

Akaun Penerimaan dan Pembayaran

	RM		RM
Penghutang minuman	3200	Pemiutang minuman	2000

- *Maklumat tambahan:*

Buku perakaunan Kelab Rekreasi Indah juga merekodkan baki berikut:

	1 Januari 2003	31 Disember 2003
	RM	RM
Stok minuman	80	120
Penghutang minuman	175	275
Pemiutang minuman	125	325

- **Anda dikehendaki menyediakan:**

(a) Akaun Kawalan Penghutang

XI. JAWAPAN

1.

Akaun Yuran

2003		RM	2003		RM
Jan 1	Baki b/b	104	Jan 1	Baki b/b	150
Dis 31	Pendapatan dan Perbelanjaan	4261	Dis 31	Penerimaan dan Pembayaran	4200
	Baki h/b	110		Baki h/b	125
		<u>4475</u>			<u>4475</u>

2.(a)

Akaun Yuran

2003		RM	2003		RM
Jan 1	Baki b/b	100	Jan 1	Baki b/b	60
Dis 31	Pendapatan dan Perbelanjaan	3750	Dis 31	Penerimaan dan Pembayaran	3830
	Baki h/b	120		Baki h/b	80
		<u>3970</u>			<u>3970</u>

(b)

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

	RM
Yuran	3750

(c)

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2003

Aset Semasa	RM	Liabiliti Semasa	RM
-------------	----	------------------	----

Yuran terakru 80 | Yuran terdahulu 120

-

Jalan kerja:

Kutipan yuran pada tahun 2003 = RM50 + RM3600 + RM180 = RM 3830

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

Akaun Yuran

2003		RM	2003		RM
Jan 1	Baki b/b	140	Jan 1	Baki b/b	70
Dis 31	Pendapatan dan Perbelanjaan	5000	Dis 31	Penerimaan dan Pembayaran	5065
	Baki h/b	115		Baki h/b	120
		<u>5255</u>			<u>5255</u>

-

Jalan kerja:

Yuran yang akan diterima pada tahun 2003 = 100 orang x RM50 = RM5000

-

-

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

2003		RM	2003		RM
Jan 1	Baki b/b	3500	Dis 31	Surat khabar	110
Feb 1	Derma	1500		Biasiswa	1000
	Yuran masuk	400		Hadiah	450
	Yuran ahli	6200		Belanja am	800
	Sewa lokar	230		Perabot	600
	Jualan bola tenis	80		Alatan sukan	1600
	Yuran pertandingan	200		Gaji pekerja	1000
	Sewa gelanggang	400		Baki h/b	6950
		<u>12 510</u>			<u>12 510</u>
2004					

Jan 1 Baki b/b 6950 |

-
-
5.

Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

	RM		RM
Stok awal	300	Jualan minuman	2500
Belian minuman	1800		
	2100		
- Stok akhir	630		
	1470		
Untung restoran	1030		
	2500		2500

-
-
-
-

6. (a)

Akaun Kawalan Penghutang

2003		RM	2003		RM
Jan 1	Baki b/b	175	Dis 31	Penerimaan dan Pembayaran	3200
Dis 31	Jualan	3300		Baki h/b	275
		3475			3475
2004					
Jan 1	Baki b/b	275			

(b)

Akaun Kawalan Pemiutang

2003		RM	2003		RM
Dis 31	Penerimaan dan Pembayaran	2000	Jan 1	Baki b/b	125
	Baki h/b	325	Dis 31	Belian	2200
		2325			2325
2004					
Jan 1	Baki b/b				325

-

(c)

Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

RM	RM
----	----

	RM	RM
<u>Aset</u>		
Lengkapan pejabat	16 000	
Bank	7 974	
Simpanan tetap	20 000	
	<hr/>	¹ / ₂
		43 974
<u>- Liabiliti</u>		
Belanja mesyuarat terakru		<u>152</u> (1/2)
		<u>43 822</u>

Penyata Mengira Dana Terkumpul Pada 31 Disember 2003

	RM	
Dana pada 1 Januari 2003	43 822	(1/2)
+ Lebihan	4 366	(1/2)
	<hr/>	
	48 188	(1)

[kembali]